




KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



**PROGRAM  
SIJIL PENGEMBARAAN PELANCONGAN**



**STUDENTS  
HANDBOOK**

# **JAWATANKUASA PENERBITAN STUDENTS HANDBOOK**

**Pengerusi:**

Mohammad Azwan Bin Ja'afar, AMP

**Penolong Pengerusi:**

Efaradilla Binti Shaharuddin

**Ketua Editor:**

Yusnita Binti Abd Rahman

**Editor:**

Siti Khairun Naemah Binti Malik

Mohammad Faizal Bin Ahmad

Elena Binti Anwar

Noorul Ilyani Binti Mahmad

Mohd Esham Bin Husain

Kolej Komuniti Pekan

Kementerian Pengajian Tinggi

Jalan Pekan – Kuantan, Peramu Jaya

26600 Pekan

Pahang

Tel.: 09 – 4264000

Website: kkpekan.mypolycc.edu.my

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan, dihantar dalam bentuk apa pun atau dengan cara apa pun, elektronik atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis dari Kolej Komuniti Pekan, Pahang.

## **KATA-KATA ALUAN PENGARAH**



Alhamdulillah...syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, maka penerbitan “*Students Handbook*” Kolej Komuniti Pekan dapat direalisasikan. Buku panduan ini merupakan pengenalan terhadap program pengajian Sijil Pengembaraan Pelancongan (SPL) yang ditawarkan di Kolej Komuniti Pekan (KKPP).

KKPP merupakan institusi pengajian tinggi TVET dibawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK). KKPP mula beroperasi pada Sesi Ogos 2012 dan kini sedang bergiat aktif untuk menjadi salah satu Pusat Penyedia Pengajian Tinggi TVET yang relevan.

Objektif utama buku panduan ini diterbitkan adalah sebagai bahan rujukan bagi para pelajar KKPP dalam memahami dan mengenali program pengajian SPL.

Buku panduan ini memberikan pemahaman secara ringkas mengenai kursus- kursus yang terkandung dalam program SPL bermula dari semester pertama hingga tamat pengajian. Diharapkan ia dapat memberi panduan yang jelas terutama kepada pelajar KKPP dan pembaca lain secara umum.

Warga KKPP mendoakan agar anda sentiasa sihat, bahagia dan cemerlang sepanjang masa. Semoga anda kekal menjadi kebanggaan kami.

**Mohammad Azwan Bin Ja'afar, AMP  
Pengarah  
Kolej Komuniti Pekan**

## **ISI KANDUNGAN**

---

Maklumat Kolej Komuniti Pekan	1
Visi & Misi	2
Staf Pengurusan	3
Staf Sokongan	4
Fasiliti & Infrastruktur Kolej Komuniti Pekan	5
Unit Pengembaraan Pelancongan (SPL)	6
Staf Akademik Unit SPL	7
Staf Unit Pengajian Am	8
Maklumat Program	9
Latar Belakang Program	10
Struktur Program	13
Sinopsis Kursus Sijil Pengembaraan Pelancongan	14
Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	27
Sistem Penilaian	28
Aktiviti Pelajar	30



Kolej Komuniti Pekan (KKPP) merupakan sebuah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). Ia ditubuhkan bagi memberikan peluang pendidikan dan latihan kemahiran (TVET) kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM). Ia menawarkan kursus sepenuh masa dan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH)



Sijil Pengembalaan Pelancongan (SPL) adalah salah satu program sijil yang ditawarkan di KKPP bagi memenuhi kehendak sosial dan keperluan tenaga kerja mahir yang semakin meningkat dalam industri perkhidmatan khususnya bidang pelancongan.

**TAHNIAH**  
kepada calon yang telah berjaya ke

**KOLEJ KOMUNITI PEKAN**

#seronoknyadikkkpekan  
#jommasukkkpekan

UNTUK MEMOHON IMBAS KOD QR

- SIJIL SERVIS KENDERAAN RINGAN (AUTOMOTIF)
- SIJIL PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN

KKPP juga berperanan dalam menyediakan latihan kemahiran jangka panjang dan jangka pendek bagi melahirkan graduan TVET yang menpunyai kemahiran yang tinggi, *multi tasking* dan kemahiran keusahawanan yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Lulusan KKPP berpeluang untuk keperluan tenaga kerja industri perkhidmatan atau membuka perniagaan sendiri. Mereka juga berpeluang menyambung pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam bidang yang berkaitan

## VISI

- Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

## MISI

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

## MATLAMAT PENDIDIKAN

- Menghasilkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara

## MATLAMAT ORGANISASI

- Menghasilkan graduan TVET yang holistik dan kompeten serta berkemampuan menyumbang kepada pembangunan negara

## STAF PENGURUSAN

<b>NAMA &amp; JAWATAN</b>			
			Mohammad Azwan Bin Ja'afar, AMP Pengarah
			Efaradilla Binti Shaharuddin Timbalan Pengarah ( Akademik)
			Md. Shafiq Khairil Bin Ismail Timbalan Pengarah (Pengurusan)
			Nurul Syahida Binti Hazmi Pegawai Peperiksaan
			Mohd Hanafi Bin Hashim Pegawai Latihan Industri
			Ratinah Binti Jaafar Pegawai Pengambilan
			Hairul Nizam Bin Abdul Hamid Pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP)
			Nor Idayu Binti Nordin Penyelaras Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)
			Elena Binti Anwar Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi & komersilan (KUPIK)

\*tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa\*

## STAF SOKONGAN

NAMA & JAWATAN			
			Nor Aziela Binti Ahmad Penolong Pegawai Tadbir
			Khairul Nizam Bin Mat Hassan Penolong Jurutera
			Norsuziyana Binti Abdul Rashid Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
			Shah Affandi Bin Hasmoni Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
			Zahurin Binti Zakaria Pembantu Perpustakaan
			Nur Zahidah @ Zalmah Binti Mohd Zani Pembantu Tadbir
			Farah Izreen Binti Ahmad Pembantu Tadbir
			Nur Rahida Binti Sabaruddin Pembantu Operasi
			Mohd Zamri Bin Abdullah Pemandu

\*tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa\*

## FASILITI DAN INFRASTRUKTUR

### FASILITI

Fasiliti yang disediakan di Kolej Komuniti Pekan bagi tujuan PdP Sijil Pengembalaan Pelancongan adalah seperti di bawah:

- 4 Bilik Kuliah
- 1 Dewan Kuliah
- 1 Bilik Seminar SPL
- 1 Bilik Seminar Perpustakaan
- 1 Makmal *Computer Reservation System* (CRS)
- 2 Makmal Komputer
- 1 Perpustakaan
- Gelanggang Bola Tampar
- Gelanggang Sepak Takraw
- Gelanggang Bola Jaring


### INFRASTRUKTUR

Infrastruktur yang disediakan di Kolej Komuniti Pekan adalah seperti dibawah:

- Surau
- Bilik JPP
- Bilik Aktiviti PSH
- Bilik Mesyuarat
- Ruang Lobi
- Bilik Jahitan
- Bilik Masakan
- Kafetaria

# CARTA ORGANISASI

## UNIT PENGEMBARAAN PELANCONGAN (SPL)



\*tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa\*

## STAF AKADEMIK UNIT SPL

NAMA	JAWATAN	TUGAS DALAMAN
Siti Khairun Naemah Binti Malik	PPPT DH44	Ketua Program SPL Penyelaras Aset SPL Penyelaras Jadual Waktu SPL
Noorul Ilyani Binti Mahmad	PPPT DH48	Pegawai Pemeriksa Aset Penyelaras Peperiksaan SPL Setiausaha EKSA Penyelaras BRISK Ketua PID
Elena Binti Anwar	PPPT DH44	Penyelaras KPI (Persist) Pegawai & Penyelaras KUPIK Penyelaras Pengesahan Graduan, LI & Alumni SPL
Yusnita Binti Abd Rahman	PPPT DH44	Penyelaras Jadual Waktu Induk Penyelaras MQA SPL Pegawai Pelupusan Aset
Mohd Esham Bin Husain	PPPT DH34	Pegawai Disiplin Penyelaras Disiplin SPL Penyelaras Pengesahan Graduan, LI & Alumni SKR Penyelaras JPP Penyelaras BKPKK

\*tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa\*

## PENSYARAH UNIT PENGAJIAN AM

NAMA & JAWATAN		
		Zuraini Binti Abdul Shaer Ketua Unit
		Mohammad Faizal Bin Ahmad Pensyarah

\*tertakluk kepada perubahan dari masa ke semasa\*

## SIJIL PENGEMBARAAN PELANCONGAN

### MAKLUMAT PROGRAM

Bahasa Pengantar

- Bahasa Melayu

Mod Pengajian

- Sepenuh Masa

Syarat Kemasukan

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia

Tempoh Pengajian

- Minimum 4 Semester
- Maksimum 10 Semester

Minggu  
Pembelajaran &  
Pengajaran

- 14 Minggu Per Semester  
(tidak termasuk cuti  
semester)

Latihan Industri

- 16 Minggu - 8 Kredit  
(semester akhir)

Jumlah Kredit Graduat = 60 Kredit

## LATAR BELAKANG PROGRAM

### PENGENALAN


Perkembangan industri pelancongan negara yang pesat telah menyumbang kepada permintaan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan dalam pelbagai tugas berkaitan. Berdasarkan senario ini, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti berusaha merancang dan mengadakan program Sijil Pengembawaan Pelancongan bagi menlahirkan pelajar yang dapat memenuhi kehendak industri di dalam bidang tersebut. Pelajar berpeluang mempelajari segala kemahiran hospitaliti yang berkaitan secara praktikal bagi memastikan mereka memperolehi pengetahuan yang mendalam. Selain itu, program ini juga menawarkan Latihan Industri bagi memastikan pelajar merasai suasana sebenar alam pekerjaan. Bukan sahaja kemahiran teknikal, malah pelajar juga mempelajari kemahiran insaniah bagi menyediakan pelajar untuk pasaran industri.

Program ini direkabentuk bertujuan memperkenalkan pelajar kepada keperluan tenaga kerja yang terkini berdasarkan permintaan industri. Pelajar akan memperolehi pengalaman bagaimana untuk melaksanakan dan mengendalikan aktiviti berkaitan pelancongan dan pengembawaan. Pelajar berkemampuan untuk menguruskan projek berkenaan dengan aktiviti pelancongan dan pengembawaan. Program ini menawarkan modul teras Pengenalan Pelancongan, Pertolongan Cemas, Interpretasi Pelancongan, Geografi Pelancongan, Perkhidmatan Pelanggan Pelancongan, Rekreasi Pelancongan, Operasi Agensi Pelancongan, Budaya Malaysia, English For Tourism, Komentar Pemandu Pelancong dan Tempahan. Pelajar juga akan diajar berkaitan dengan modul wajib yang mana akan membekalkan pelajar dengan kemahiran insaniah dan pembelajaran secara kendiri melalui tugasan dan projek. Lulusan daripada program ini akan bersedia bagi menyahut cabaran dunia sebenar dalam bidang Pelancongan dan Pengembawaan.

## PROSPEK KERJAYA

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang pelancongan dan pengembaraan yang mana ia boleh diimplementasikan bagi kerjaya di dalam industri pelancongan. Pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang pelancongan dan pengembaraan, membolehkan pelajar memulakan kerjaya di dalam bidang berikut:

1. Kerani Tempahan Dan Tiketan
2. Kerani Inbound /Outbound
3. Pembantu Jurulatih Rekreasi
4. Ketua Rombongan
5. Front Liner
6. On-Site Guide



## **OBJEKTIF PROGRAM PENGAJIAN ( PROGRAMME EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO )**

1. Menghasilkan tenaga kerja dan usahawan yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan keperluan semasa dan hasrat Negara.
2. Menunjukkan kebolehan penyelesaian masalah secara inovatif, kreatif dan kerja berpasukan melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat.
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, mengurus maklumat dengan baik dan bekerjasama dengan kumpulan berasaskan kerja serta tanggungjawab sosial.

## **HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM ( PROGRAMME LEARNING OUTCOME – PLO )**

Di akhir pembelajaran, pelajar akan boleh:

1. Mengaplikasi pengetahuan asas berdasarkan fakta, konsep, prinsip dan teori dalam bidang yang berkaitan.
2. Menunjukkan kemahiran psikomotor dan amali dalam menyelesaikan masalah.
3. Menunjukkan kemahiran interpersonal dan kebertanggungjawaban sosial dalam mengaplikasi prinsip dan teori mengikut kesesuaian keadaan.
4. Menunjukkan sifat beretika dan profesionalisme dalam amalan yang mempunyai prinsip etika dari aspek perundangan yang perlu dipatuhi.
5. Menunjukkan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran kepimpinan secara berkesan dengan rakan sekerja, pelanggan, majikan dan masyarakat umum.
6. Menunjukkan kemahiran pemikiran analitikal dan kritikal dan menggunakan teknik yang sesuai dalam menyelesaikan masalah.
7. Menyedari kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan kemahiran pengurusan maklumat untuk pembangunan akademik dan kerjaya.
8. Menunjukkan kemahiran pengurusan dan ciri – ciri keusahawanan dalam perspektif yang meluas di dalam alam perniagaan sebenar.

**STRUKTUR PROGRAM**  
**SIJIL PENGEMBARAAN PELANCONGAN**

KOD		KURSUS	KREDIT
<b>SEMESTER 1</b>			
MPU	1311	Pendidikan Islam 1	
MPU	1321	Pendidikan Moral 1	1
SKW	1102	Aplikasi Komputer	2
MPU	1181	<i>Communicative English</i>	1
SPL	1053	Pengenalan Pelancongan	3
SPL	1064	Pertolongan Cemas	4
SPL	1074	Interpretasi Pelancongan	4
SPL	1083	Geografi Pelancongan	3
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>18</b>
<b>SEMESTER 2</b>			
MPU	1231	Kemahiran Insaniah	1
MPU	1152	Pengajian Malaysia 1	2
MPU	1411	Kokurikulum (Kelab)	1
MPU	1101	Workplace English	1
SPL	2053	Perkhidmatan Pelanggan Pelancongan	3
SPL	2064	Rekreasi Pelancongan	4
SPL	2073	Budaya Malaysia	3
SPL	2084	Operasi Agenzia Pelancongan	4
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>19</b>
<b>SEMESTER 3</b>			
MPU	1331	Pendidikan Islam 2	
MPU	1341	Pendidikan Moral 2	1
MPU	1222	Keusahawanan	2
MPU	1421	Kokurikulum (Sukan)	1
SPL	3011	English For Tourism	1
SPL	3022*	Bahasa Arab Komunikasi	
SPL	3032*	Bahasa Mandarin Komunikasi	2
SPL	3044	Komentar Pelancongan	4
SPL	3064	Tempahan Dan Tiketan	4
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>15</b>
<b>LATIHAN INDUSTRI</b>			
SLI	4018	LATIHAN INDUSTRI (LI)	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>60</b>

**\* PILIH SATU SAHAJA**

BAGI PELAJAR WARGANEGARA YANG TIDAK KREDIT BAHASA MELAYU  
SPM WAJIB MENGAMBIL KURSUS MPU 1212 BAHASA KEBANGSAAN A

## **SINOPSIS KURSUS**

### **SIJIL PENGEMBARAAN PELANCONGAN**

#### **SPL 1053 PENGENALAN PELANCONGAN**

##### **SINOPSIS**

- Kursus ini memberikan pengetahuan asas mengenai industri pelancongan, istilah-istilah yang digunakan, komponen-komponen utama, jenis-jenis pelancongan yang terdapat dalam industri pelancongan. Pelajar akan mendapat gambaran jelas tentang kerjaya dalam industri pelancongan yang diceburi.

##### **HASIL PEMBELAJARAN (CLO)**

- Mengenalpasti sejarah ringkas industri pelancongan berserta istilah-istilah penting dalam industri pelancongan.
- Menerangkan produk-produk dan komponen-komponen yang ada dalam industri pelancongan.
- Memahami kepentingan industri pelancongan yang mewujudkan peluang kerjaya dalam industri pelancongan.

##### **TOPIK**

- Sejarah Ringkas Industri Pelancongan
- Istilah-Istilah Pelancongan
- Jenis-Jenis Pelancongan
- Komponenkomponen Industri Pelancongan
- Kepentingan Industri Pelancongan
- Peluang Kerjaya Di Dalam Industri Pelancongan

## SPL 1064 PERTOLONGAN CEMAS

### SINOPSIS

- Kursus ini memberi pengetahuan dan kemahiran asas di dalam bidang pertolongan cemas yang diperlukan dalam pelaksanaan aktiviti rekreasi pelancongan dan pengembawaan. Kursus yang memerlukan tindakan awalan secara pantas ini memberi ilmu yang praktikal untuk digunakan jika berlaku sesuatu kemalangan yang tidak dijangka.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Menerangkan asas pertolongan cemas
- Menunjukcara bantuan menyelamat mangsa dengan betul
- Mengamalkan teknik yang dipelajari bagi menyelamatkan mangsa dengan kaedah betul.

### TOPIK

- Pengenalan Pertolongan Cemas
- Luka Dan Pendarahan
- Benda-Benda Asing
- Pembebat Dan Pembalut
- Sengatan Dan Gigitan
- Pelbagai Keadaan Kesihatan
- Pernafasan Tidak Teratur
- Kecederaan Tulang, Sendi Dan Otot
- Pengendalian Usungan Dan Pemindahan Mangsa

## SPL 1074 INTERPRETASI PELANCONGAN

### SINOPSIS

- Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar tentang kepentingan interpretasi yang boleh mewujudkan minat pelancong terhadap sesuatu tempat tarikan. Pelajar dapat melakukan pengamatan terhadap sesuatu tempat tarikan dan menghasilkan bahan-bahan interpretasi. Pelajar juga akan diberi pendedahan tentang pusat-pusat interpretasi pelancongan untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Menerangkan maksud dan ciri-ciri interpretasi dalam industri pelancongan secara khusus.
- Membina bahan interpretasi dengan berkesan.
- Melaksanakan pameran interpretasi dengan menggunakan bahan-bahan interpretasi mengikut teknik dan kaedah yang betul.

### TOPIK

- Pengenalan
- Ciri-Ciri Interpretasi
- Kaedah Interpretasi
- Penyediaan Bahan Untuk Pameran Interpretasi

## SPL 1083 GEOGRAFI PELANCONGAN

### SINOPSIS

- Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas tentang geografi dari pandangan industri pelancongan. Pelajar didedahkan dengan pengetahuan seperti suhu dan cuaca, ciri-ciri iklim dan bentuk muka bumi.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Mengenalpasti asas geografi dalam industri pelancongan
- Menerangkan konsep pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem
- Memahami faktor-faktor geografi yang mempengaruhi aktiviti pelancongan

### TOPIK

- Pengenalan
- Pemeliharaan & Pemuliharaan
- Cuaca Dan Iklim
- Bentuk Muka Bumi
- Flora Dan Fauna

## SPL 2053 PERKHIDMATAN PELANGGAN PELANCONGAN

### SINOPSIS

- Kursus ini dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam perkhidmatan pelanggan dalam industri pelancongan dengan cemerlang melalui kaedah interpersonal dan komunikasi yang berkesan. Kursus ini memberi penekanan kepada pembinaan ketrampilan dan pengurusan diri. Pelajar akan didedahkan dengan aspek-aspek seperti perkhidmatan pelanggan, etika sosial, komunikasi, pengucapan awam, pengendalian aduan pelanggan dan perkhidmatan kaunter hadapan yang berkesan.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Mengenalpasti kaedah perkhidmatan pelanggan yang betul.
- Mengadaptasi etika sosial yang berkesan dalam proses perkhidmatan pelanggan.
- Melaksanakan tatacara pengurusan aduan dan perkhidmatan pelanggan yang berkesan.

### TOPIK

- Pengenalan
- Etika Sosial
- Pengurusan Aduan Pelanggan
- Perkhidmatan Pelangan Yang Berkesan

## SPL 2064 REKREASI PELANCONGAN

### SINOPSIS

- Kursus ini mendedahkan pelajar dengan pengenalan kepada rekreasi darat dan air yang terdapat di dalam industri pelancongan. Selain itu juga pelajar akan didedahkan kepada prosedur keselamatan dan pengurusan risiko di dalam aktiviti rekreasi pelancongan. Ia bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar di dalam aktiviti rekreasi seperti berenang. Sejumlah tenaga pengajar dan fasilitator akan terlibat secara langsung di dalam pengendalian dan perlaksanaan latihan amali tersebut. Pelajar juga perlu melaksanakan satu program aktiviti rekreasi pelancongan.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Menerangkan pengenalan rekreasi di dalam pelancongan.
- Melaksanakan aktiviti rekreasi pelancongan.
- Mengamalkan kemahiran pengurusan risiko di dalam operasi rekreasi pelancongan.

### TOPIK

- Pengenalan Rekreasi Pelancongan
- Operasi Dan Perkhidmatan Rekreasi
- Aktiviti Renang
- Perancangan Dan Pelaksanaan Program Rekreasi
- Perancangan Pengurusan Risiko Dan Keselamatan

## SPL 2073 BUDAYA MALAYSIA

### SINOPSIS

- Kursus ini memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai kepelbagaian budaya di Malaysia. Selain itu, pelajar juga dapat memahami dan menerangkan komponenkomponen yang terdapat dalam budaya di Malaysia. Pelajar juga dapat mengenali dan memahami kepentingan kepelbagaian budaya kepada industri pelancongan di Malaysia.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Mengenalpasti perbezaan budaya yang terdapat di Malaysia.
- Menerangkan kepelbagaian budaya yang terdapat di Malaysia.
- Mempamerkan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian dengan berkesan.

### TOPIK

- Pengenalan
- Masyarakat Majmuk
- Agama Dan Kepercayaan
- Kepelbagaian Bangsa Dan Bahasa Di Malaysia
- Kebudayaan Dan Kesenian

## SPL 2084 OPERASI AGENSI PELANCONGAN

### SINOPSIS

- Kursus ini memberi gambaran pengoperasian bagi sebuah agensi pelancongan. Pelajar didedahkan dengan syarat penubuhan agensi, dokument-dokumen perjalanan yang diperlukan semasa lawatan dan penyediaan pakej lawatan kepada pelancong. Pelajar diberikan gambaran sebenar mengenai proses pengendalian lawatan dan cara berurusan dengan sumber-sumber yang terlibat.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Menerangkan peranan agensi pelancongan dan sumber-sumber yang terlibat dalam industri pelancongan.
- Menghasil semula pakej lawatan mengikut keperluan pelanggan.
- Melaksanakan lawatan yang sebenar dengan penuh yakin mengikut pakej yang telah dibina

### TOPIK

- Pengenalan
- Penubuhan Agensi Pelancongan
- Sumbersumber Agensi Pelancongan
- Pembangunan Pakej Lawatan
- Dokumentasi Dan Simulasi Lawatan

## SPL 3011 ENGLISH FOR TOURISM

### SINOPSIS

- English for Tourism helps learners to develop English language skills for working in the tourism industries. This course equips learners with the basic language skills they need to produce materials related to tourism and to communicate with their customers.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Explain itineraries and tour packages.
- Apply tour commentaries.
- Deliver commentaries on tourism spots effectively.

### TOPIK

- Tour Itineraries
- Tour Packages
- Tour Commentaries
- Simulation

## SPL 3022 BAHASA ARAB KOMUNIKASI

### SINOPSIS

- Kursus Bahasa Arab membantu pelajar untuk menguasai kemahiran komunikasi dalam Bahasa Arab dalam pelbagai situasi. Kursus ini membekalkan pelajar dengan asas penggunaan Bahasa yang diperlukan untuk mendapatkan dan menyalurkan maklumat kepada pelanggan serta menerangkan tatacara untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Mengenalpasti asas sebutan, huruf dan angka dalam Bahasa Arab.
- Menerangkan asas komunikasi dan budaya masyarakat Malaysia.
- Melaksanakan simulasi kemahiran komunikasi dengan berkesan.

### TOPIK

- Sistem Ejaan Dan Sebutan
- Angka, Waktu, Masa, Bulan Dan Hari
- Ucap Selamat Dan Pengenalan Diri
- Penerangan Budaya Masyarakat Malaysia
- Kemahiran Komunikasi

## SPL 3032 BAHASA MANDARIN KOMUNIKASI

### SINOPSIS

- Kursus Bahasa Mandarin membantu pelajar untuk menguasai kemahiran komunikasi dalam Bahasa Mandarin dalam pelbagai situasi. Kursus ini membekalkan pelajar dengan asas penggunaan Bahasa yang diperlukan untuk mendapatkan dan menyalurkan maklumat kepada pelanggan serta menerangkan tatacara untuk menyelesaikan sesuatu.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Mengenalpasti sebutan asas fonetik Hanyu Pinyin dengan betul.
- Memberikan respon terhadap perbualan yang didengar.
- Menyampaikan perbualan dalam bahasa mandarin dengan betul.

### TOPIK

- Huruf Fonetik (Hanyu Pinyin)
- Ucap Selamat Dan Pengenalan Diri
- Angka
- Waktu Dan Masa
- Hari Dan Tarikh
- Budaya Masyarakat Malaysia

## SPL 3044 KOMENTAR PELANCONGAN

### SINOPSIS

- Kursus ini memberi pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar tentang peranan dan fungsi Pemandu Pelancong yang sebenar. Kursus ini menekankan kepada kemahiran melakukan komentar lawatan berdasarkan destinasi pelancongan dan produk pelancongan. Pelajar akan melakukan komentar lawatan dengan melaksanakan simulasi sebagai seorang Pemandu Pelancong sebenar mengikut kriteria Pemanduan Pelancongan Bandar, Alam Semulajadi dan Setempat.

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Menerangkan tugas seorang Pemandu Pelancong.
- Menunjukkan teknik komentar Pemandu Pelancong.
- Melaksanakan simulasi komentar berkesan.

### TOPIK

- Pengenalan
- Kategori Pemandu Pelancong
- Teknik Komentar Lawatan
- Komentar Produk Pelancongan
- Latihamal & Simulasi

## SPL 3064 TEMPAHAN DAN TIKETAN

### SINOPSIS

- Kursus ini memperkenalkan *Computer Reservation System* kepada pelajar. Pelajar akan mempelajari tatacara tempahan dan tiketan yang digunakan di syarikat-syarikat pelancongan (*travel agency*). Pelajar juga akan menguasai kemahiran prosedur tempahan berkomputer..

### HASIL PEMBELAJARAN (CLO)

- Menerangkan pengenalan, peranan dan fungsi tempahan dan tiketan.
- Mengenalpasti komponen-komponen yg terlibat dalam tiket dan tambang serta tatacara tempahan.
- Menunjukkan cara tempahan menggunakan *Computer Reservation System* mengikut prosedur tempahan yang betul dan lengkap.

### TOPIK

- Pengenalan
- Tiket Dan Tambang
- Tempahan
- Simulasi Tempahan

## PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (PdP)

### PdP

Pelaksanaan PdP berpandukan struktur dan kurikulum yang dibekalkan oleh JPPKK.

Pelaksanaan PdP berkonsepkan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE). OBE adalah proses pembelajaran dan pendekatan yang memfokuskan kepada hasil pembelajaran (Learning Outcome), iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk dicapai oleh setiap pelajar sebelum dan selepas tamat pengajian.

Hasil pembelajaran ialah apa yang boleh ditunjukkan oleh pelajar tentang pengetahuan dan kebolehan membuat sesuatu selepas sesuatu perkara diajar.

Konsep OBE diterapkan dalam semua kursus yang terkandung dalam kurikulum. terma 'outcome' atau hasil menjadi indikator yang perlu dicapai oleh pelajar apabila tamat sesi pembelajaran kursus.

### REKOD KEHADIRAN

- Kehadiran pelajar bagi setiap kursus direkodkan dalam Rekod Kehadiran Kursus
- Pelajar wajib menghadiri sesi PdP tidak kurang daripada 80% jumlah jam pertemuan setiap kursus
- Tempoh maksimum bagi ketidakhadiran bersebab adalah LIMA (5) hari sepanjang semester

### FOLIO PELAJAR

- Pelajar perlu mengumpulkan semua bukti penilaian PdP bagi setiap kursus ke dalam satu fail yang dikenali sebagai Folio Pelajar
- Setiap Folio Pelajar akan disemak oleh Penasihat Akademik (PA) pada setiap akhir semester

## SISTEM PENILAIAN

- Penilaian adalah berdasarkan kepada hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan oleh kurikulum.
- Kaedah penilaian adalah berdasarkan penilaian berterusan dan peperiksaan akhir.
- Peratusan bagi penilaian akhir dibahagikan kepada dua kategori:
  - a) Kursus yang mempunyai peperiksaan akhir
    - i. Penilaian Berterusan (70%). Pelajar akan dinilai melalui kuiz, ujian, tugas, mini projek dan pembentangan di sepanjang semester.
    - ii. Peperiksaan Akhir (30%). Ianya merujuk kepada peperiksaan akhir semester.
  - b) Kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir
    - i. Penilaian Berterusan (100%). Pelajar akan dinilai melalui tugas, projek dan pembentangan di sepanjang semester.
- Status pencapaian akademik pelajar ditentukan pada setiap semester seperti Jadual 1.0 di bawah:

PENCAPAIAN	STATUS AKADEMIK
3.67 - 4.00	Cemerlang
3.00 - < 3.67	Kepujian
2.00 - < 3.00	Baik
1.00 - < 2.00	Lulus Bersyarat
< 1.00	Gagal

Jadual 1.0: Status Pencapaian Akademik Pelajar

- Prestasi pelajar bagi sesuatu kursus ditunjukkan dalam bentuk gred seperti Jadual 1.1 di bawah:

<b>Markah</b>	<b>Gred</b>	<b>Nilai Mata</b>	<b>Status</b>
90 - 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 - 89	A	4.00	Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	Kepujian
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	Baik
50 - 54	C	2.00	
47 - 49	C-	1.67	
44 - 46	D+	1.33	Lulus Bersyarat
40 - 43	D	1.00	
0 - 39	F	0.00	Gagal

Jadual 1.1: Sistem Gred

Pengiraan PNG dan PNGK ditentukan mengikut kaedah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah mata kredit sesuatu semester / modul}}{\text{Jumlah jam kredit sesuatu semester/modul}}$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah mata kredit semua semester / modul}}{\text{Jumlah jam kredit semua semester / modul}}$$

**\*\*Petunjuk :**

PNG : Purata Nilai Gred

PNGK : Purata Nilai Gred Kumulatif

## AKTIVITI PELAJAR



## AKTIVITI PELAJAR

